

# Lawatan Industri Kimia Industri



Pelajar Kimia Industri telah mengadakan Lawatan Industri pada 19 – 22 Oktober 2014. Pelajar program Kimia Industri terbahagi kepada dua kumpulan, satu ke Tawau manakala satu kumpulan lagi ke Labuan. Lawatan ke Tawau berlangsung selama 3 hari 2 malam manakala yang ke Labuan berlangsung selama 2 hari 1 malam. Lawatan ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap ilmu yang dipelajari dalam bilik kuliah. Lawatan ini diiringi oleh beberapa pensyarah, iaitu Dr How Siew Eng, Dr Moh Pak Yan, Dr Sahari Jaafar. Bertolak dari UMS seawal 7 pagi, pelajar bergerak ke destinasi lawatan menggunakan bas UMS.

Kumpulan yang pertama seramai 41 pelajar menjalani lawatan industri di Lahad Datu sebelum lawatan ke Tawau. Pada 19 Oktober 2014, kumpulan tersebut bertolak dari UMS pada waktu pagi dan tiba di Lahad Datu pada waktu malam. Lawatan bermula pada 20 Oktober dan destinasi pertama ialah Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Sabah Sdn. Bhd. Pelajar-pelajar bukan sahaja telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan mengenai proses dan produk dari minyak kelap sawit, malah juga berpeluang untuk mempelajari tentang sistem logistik di Terminal POIC yang berskala besar. Seterusnya kumpulan tersebut melawat ke kilang Lahad Datu Edible Oils (LDEO) Sdn Bhd. Pelajar-pelajar dibawa oleh wakil kilang tersebut ke sulruh kilang untuk meneliti proses pemasangan minyak yang boleh dimakan dari minyak sawit mentah.

Pada 21 Oktober 2014, kumpulan tersebut melawat ke Tacara Sdn. Bhd yang berlokasi di Tawau. Kilang ini menghasilkan pelbagai produk carrageenan yang diperoleh daripada rumput laut. Destinasi lawatan seterusnya adalah Apas Balung Palm Oil Mill. Lawatan ini memberi informasi tentang penghasilan minyak sawit mentah (crude palm oil) daripada buah kelapa sawit (fresh fruit bunches). Selepas itu, kumpulan tersebut melawat ke Kebun Rimau Sdn. Bhd. yang menghasilkan pelbagai jenis teh dan produk buak-buahan.

Bagi kumpulan ke Labuan, selepas bertolak dari UMS, pelajar singgah di Sawit Kinabalu Berhad. Di sini, pelajar melihat sendiri proses memperolehi minyak mentah dari sawit. Seterusnya, pelajar bergerak ke Beaufort Specialty Rubber di Beaufort. Di lokasi ini, getah diproses untuk diexport ke luar negara. Selepas itu, kumpulan ini terus bergerak ke Labuan untuk meneruskan lawatan pada hari seterusnya.

Pada 21 Oktober, pelajar telah melawat Shell Labuan Crude Oil Terminal untuk melihat sendiri proses penapisan petroleum. Selepas lawatan, pelajar berehat sementara di Labuan sebelum kembali semula ke UMS pada hari malamnya.

